



KENYATAAN MEDIA

PEJABAT KETUA SETIAUSAHA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA

PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN AWAM

Kerajaan menghargai pandangan dan teguran yang diberikan mengenai mutu penyampaian perkhidmatan awam. Dalam mempersiapkan negara untuk menjadi Negara Maju, kecekapan penyampaian Perkhidmatan Awam akan terus diperkukuhkan agar ia terus menyokong pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan produktiviti untuk Kemakmuran Bersama.

Pada masa ini, Kerajaan sedang giat memodenkan sistem penyampaian perkhidmatan secara digital melalui konsep kolaborasi melibatkan pelbagai agensi kerajaan (*Whole-of-Government*) bagi memastikan perkhidmatan yang lebih efisien dan pantas. Antara usaha yang dilaksanakan adalah perkhidmatan *online* Portal Kerajaan Malaysia (malaysia.gov.my). Perkhidmatan ini memudahkan rakyat berurusan dengan pelbagai agensi Kerajaan secara digital dan lancar walau di mana mereka berada. Antara perkhidmatan kerajaan yang disediakan secara digital adalah permohonan bantuan perniagaan, pendidikan, kerjaya, pelancongan dan kebudayaan, perumahan, kewangan dan cukai, Imigresen dan Visa, kebajikan, keluarga dan masyarakat serta kesihatan.

Mengambil kira perkembangan era pendigitalan revolusi perindustrian 4.0, Kerajaan juga telah melaksanakan **Perkhidmatan Pembayaran Tanpa Tunai** bagi urusan pembayaran di kaunter atau secara *online* serta menerusi program dan penggunaan aplikasi e-Pembayaran seperti **MyBayar, MyPay dan JomPAY**. Dengan pendigitalan perkhidmatan, Kerajaan akan dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam, selari dengan usaha pelaksanaan rasionalisasi kawalan saiz perkhidmatan awam.

Usaha meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan sentiasa ditambah baik dengan melancarkan inisiatif seperti *Institutional Reforms, Public Sector Reforms*, pembaharuan fungsi Biro Pengaduan Awam dengan mewujudkan *Ombudsman Malaysia* serta melaksanakan *Police Reforms* dengan mewujudkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC). Selain itu, bagi meningkatkan lagi integriti dan urus tadbir penjawat awam, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 dan memperkemaskan sistem penilaian prestasi yang kini dikenali sebagai *MyPerformance*. Kompetensi penjawat awam sentiasa ditingkatkan melalui program latihan di institusi latihan awam secara konvensional dan usaha digital melalui pembelajaran atas talian e-Pembelajaran Sektor Awam (www.epsa.gov.my).

Kerajaan juga telah mewujudkan Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (**PEMUDAH**) yang terdiri daripada gabungan pegawai awam dan wakil industri bertujuan untuk meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi sektor awam dan swasta. Bagi memastikan suasana pelaburan yang kondusif dan sentiasa berdaya saing, pelbagai proses kerja terutamanya yang melibatkan permohonan kelulusan agensi teknikal sektor awam akan dipermudahkan dan dipercepatkan seperti pengwujudan sistem elektronik Pusat Setempat bagi permohonan kelulusan pembangunan atau lebih dikenali sebagai "Portal OSC Online" yang sangat bermanfaat kepada negara.

Atas usaha dan pembaharuan yang telah dilaksanakan, Kerajaan berharap agar masyarakat sedar bahawa Kerajaan sangat komited dalam memastikan mutu penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dan mesra rakyat dapat disampaikan secara menyeluruh dengan perbelanjaan yang optimum serta *cost effective*.

DR. ISMAIL BIN HJ. BAKAR

3 Julai 2019

29 Syawal 1440H